



Wajah ceria graduan USIM.



Aksi sebahagian daripada graduan mengambil *berselfie* selepas tamat *Majlis Konvokesyen ke-12 USIM*.

# 1,689 graduan diraikan di Dewan Besar USIM

Oleh **Iwan Tun Tuah**  
ifwan@bh.com.my

▸ Nilai

**M**ajlis Konvokesyen ke-12 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), baru-baru ini, berlangsung penuh gemilang di Dewan Besar USIM membabitkan 1,689 graduan yang menerima skrol ijazah dan diploma masing-masing.

Hakikat acara itu pertama kali dianjurkan di laman sendiri, langsung tidak mencatatkan perjalanannya berikutan komitmen semua petugas, kakitangan dan pensyarah yang meraih pengalaman penganjuran di Stadium Tertutup Nilai dan Pusat Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), sebelum ini.

Keputusan juga terserlah pada wajah keluarga graduan, terutama

ibu bapa yang setia menunggu perjalanan sidang untuk menyaksikan sendiri peristiwa bersejarah yang bakal menjadi kenangan terindah dan lambang kejayaan mereka mendidik anak masing-masing.

Kegembiraan itu dikongsi Canselor USIM, Tuanku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud, yang mencemar duli menyempurnakan istiadat pembukaan konvokesyen berkenaan, pada Sabtu lalu.

"Beta amat berbangga melihat barisan graduan yang berada di hadapan beta berjaya menamatkan pengajian. Kalian akan meninggalkan universiti ini dengan segulung ijazah untuk meneruskan bakti kepada masyarakat, agama dan negara," titahnya.

Selain itu, bukan kejayaan graduan semata-mata yang menjadi perhatian baginda, malah prestasi membanggakan USIM pada tahun ini, iaitu sejak tujuh tahun dinaik taraf daripada Kolej Universiti, turut mendapat pujian.



Graduan USIM Nozama Mahadi *sebak* ketika *Majlis Konvokesyen USIM*.

"Beta melihat USIM semakin pantas mengorak langkah dalam usaha menjadi sebuah universiti terkemuka dunia yang mengintegrasikan ilmu 'Naqli' dan 'Aqli'.

"Universiti ini menetapkan hala tuju menjadi universiti rujukan, dihormati dan relevan menjelang tahun 2025 dan kini berada dalam

fasa pengukuhan Pelan Strategik USIM untuk bergerak menjadi universiti pemimpin pada peringkat serantau.

"Pepatah Melayu mengatakan, benih yang baik dicampak ke laut menjadi pulau, dicampak ke darat menjadi gunung. Itulah peranan menara ilmu dalam melahirkan generasi yang se-

imbang dan mampu menyumbang bakti kepada kesejahteraan ummah," titahnya.

### Menaikkan imej universiti

Turut hadir pada upacara berkenaan ialah Pro-Canselor USIM, Tengku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Tuanku Muhriz dan Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad.

Selain itu, antara kejayaan lain USIM yang disebut baginda adalah pemilihan Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Dr Zulkifli Hasan, sebagai Sarjana Pelawat Fulbright US-ASEAN yang merupakan program di bawah Inisiatif Fulbright US-ASEAN tajaan Jabatan Negara Amerika Syarikat.

Sementara itu, Prof Musa dalam ucapannya, berkata walaupun usia universiti itu masih muda, USIM semakin dikenali dan menjadi pilihan pelajar yang terbukti dengan pertambahan permohonan termasuk dari luar negara, setiap tahun.

"Biar pun banyak kejayaan dikecapi, namun perjalanan USIM masih jauh dan berliku. Begitu pun saya yakin dengan komitmen yang tinggi daripada semua pihak, hasrat USIM untuk terus membela maruah bangsa akan tercapai.

"Kelahiran lebih 8,076 alumni pada pelbagai peringkat pengajian sehingga kini, diharap dapat menaikkan imej USIM dalam kalangan masyarakat yang sentiasa menginginkan golongan ilmuwan profesional yang berpendidikan bersepadu," katanya.

Beliau turut memperincikan

kejayaan manis lain USIM pada 2014, antaranya pelancaran Kursi Kepemimpinan Islam Tuan Guru Haji Mohd Yassin yang ditempatkan di Fakulti Kepemimpinan dan Pengurusan, bertujuan mempermudah wacana kajian dan pendidikan kepemimpinan dengan penekanan perspektif sejarah dan peradaban Islam.

### Siri kejayaan

Selain itu, Program Permata Insan yang ditubuhkan dengan tujuan melahirkan bakal ilmuwan pemikir Islam yang agung berteraskan al-Quran dan sunah turut membanggakan apabila penyertaan peserta program itu ke Festival Kreativiti Dunia: Berkongsi Kebijaksanaan di Korea mendapat beberapa anugerah penting.

Dua kumpulan pelajar turut mengharumkan nama USIM dan Malaysia apabila memperoleh dua pingat emas dan satu pingat perak pada Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) dan Pameran Reka Cipta British (BIS) London 2014.

Selain itu, pelajar Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Mohamad Husaini Mahmud, terpilih mewakili Malaysia ke Pertandingan Quran Bagi Pelajar Islam ke-5 yang akan diadakan di Tehran, Iran, manakala pelajar Fakulti Ekonomi Muamalat, Iqmal Hisham Kamaruddin, menerima Anugerah Tokoh Siswa Kebangsaan, Kategori Pemimpin Program Pengucapan Awam Terbaik dan mewakili Malaysia ke Forum Pemuda Warisan Dunia, Qatar 2014.

Timbalan Dekan Fakulti Pergigian, Dr Norlela Yacob menerima Anugerah Penyiasat Muda pada Persidangan Penuaan Secara Sihat Antarabangsa di International Medical University (IMU).

Kesimpulannya, Prof Musa menyifatkan semua kejayaan dicapai USIM hasil sokongan semua pihak termasuk kakitangan dan pensyarah selain Kementerian Pendidikan, kerajaan negeri serta agensi lain yang terbabit secara langsung dan sebaliknya.



Sebahagian daripada graduan cemerlang bersama-sama sijil serta piala yang diterima.